

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 (72)

Tarikh: 11 Julai 2012

KENYATAAN AKHBAR

LANJUTAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN REBAT CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2012 BAGI PEMILIK RUMAH MESRA ALAM HIJAU DI PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mempelawa pemilik rumah individu yang berminat untuk mengemukakan permohonan rebat cukai taksiran berbuat demikian sebelum **3hb Ogos 2012**. Tempoh lanjutan selama satu bulan lagi ini adalah memandangkan bahawa banyak pertanyaan dan permintaan daripada ramai pemilik rumah pada minggu lepas memohon masa dilanjutkan bagi mereka membuat persediaan dokumentasi.

Sukacita dimaklumkan bahawa Skim Rebat ini yang memasuki tahun ke-2 merupakan inisiatif MBPJ untuk menggalakkan dan pemilik rumah Petaling Jaya untuk mengamalkan kehidupan yang berkarbon rendah, mampan dan hijau. Insentif dari segi rebat cukai taksiran diberikan sebagai satu perakuan dan penghargaan kepada inisiatif penduduk.

Ini adalah selaras dengan inisiatif MBPJ ke arah memajukan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya Hijau berkarbon rendah berpandukan kepada Kerangka Kerja Low Carbon Cities Framework yang disediakan oleh KeTTHA dan MIP. Antara program yang telah dilaksanakan termasuklah memberikan pengiktirafan kepada individu yang telah memberi sumbangan besar ke atas pembangunan mampan mesra alam hijau di Petaling Jaya menerusi anjuran Anugerah Tokoh Hijau Petaling Jaya, Skim Pemasangan Lampu LED di Lorong Belakang Rumah, Kempen E-Cukai Taksiran, E-Mesyuarat, Penawaran meletak kereta percuma kepada pembeli kereta hybrid, pengisytiharan zon matikan injin ketika menunggu, dasar perolehan kenderaan hybrid, pertimbangan teknikal ke atas pemasangan lampu LED, mengenakan syarat-syarat kebenaran merancang yang mesra alam seperti Green Building, MASMA, SPAH dan lain.

Rebat cukai taksiran ditawarkan kepada pemilik rumah yang telah mengambil inisiatif menjadikan bangunan kediaman mereka mesra alam hijau dari segi aspek tenaga, air, kepelbagaian biologi, pengurusan sisa buangan, pengangkutan dan inisiatif lain. Tahun lepas, seramai 49 orang pemilik rumah telah ditawarkan rebat antara 10% hingga 100% ataupun maksima RM500. Memandangkan sambutan yang menggalakkan, Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM100,000 pada tahun 2012 untuk pelaksanaan Skim ini.

Bayaran tersebut akan dikreditkan dalam akaun hartanah masing-masing untuk pembayaran pada penggal pertama tahun 2013.

Untuk keterangan lanjut, pengambilan dan pengemukaan borang, silalah hubungi:

Pasukan Petugas Green City Of Petaling Jaya
Unit OSC MBPJ
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Tingkat Bawah, Ibu Pejabat MBPJ,
Jalan Yong Shook Lin,
46675 Petaling Jaya
No. Tel : 79563544 samb 402/351
No Faks : 79541875
E-Mel : lee@mbpj.gov.my

Ataupun muat turun Borang dan panduan daripada laman web MBPJ
www.mbpj.gov.my

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

[Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, \[zainun@mbpj.gov.my\]\(mailto:zainun@mbpj.gov.my\) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, \[ahmadiskandar@mbpj.gov.my\]\(mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my\)](#)